



GARIS PANDUAN BAYARAN GAJI DAN ELAUN UKM

(KELULUSAN LPU : 2 APRIL 2020)

(TERBITAN KE-2 : TAHUN 2022)



Isi Kandungan

BAB 1: PENGENALAN	6
1.1. Tujuan	6
1.2. Tafsiran	7
1.3. Prinsip	9
BAB 2: GAJI	13
2.1. Jenis dan Kategori	13
2.2. Proses Bayaran Gaji	14
BAB 3: IMBUHAN TETAP	16
3.1. Imbuhan Tetap Khidmat Awam (ITKA)	16
3.2. Imbuhan Tetap Perumahan (ITP)	17
3.3. Imbuhan Tetap Keraian	18
3.4. Imbuhan Tetap Jawatan Khas/ Gred Khas	19
BAB 4: BAYARAN INSENTIF	21
4.1. Bayaran Insentif Wilayah	21
4.2. Bayaran Insentif Tugas Kewangan	22
4.3. Bayaran Insentif Tanggungjawab Tambahan (ETT)	23
4.4. Bayaran Insentif Perkhidmatan Kritikal	24
4.5. Insentif Pos Basik	25
4.6. Bayaran Insentif Akademik Pensyarah Perubatan	26
4.7. Bayaran Insentif Pakar	27
4.8. Bayaran Insentif Tugas Pengurusan Stor	28
4.9. Bayaran Insentif Atendan Bilik Mayat	29
BAB 5: PELBAGAI ELAUN	30
5.1. Elaun Timbalan Naib Canselor	30
5.2. Elaun Pro Naib Canselor	30
5.3. Elaun Pengarah/ Timbalan Pengarah	31
5.4. Elaun Dekan/ Timbalan Dekan/ Penolong Dekan/ Pengerusi Pusat	31
5.5. Elaun Pengetua Kolej/Timbalan Pengetua Kolej	32
5.6. Elaun Felo Penghuni Kolej (EFPK)	32
5.7. Elaun Ketua Program/ Ketua Disiplin / Ketua Pusat Kecemerlangan/ Ketua Editor Jurnal/ Ketua Makmal/ Ketua Unit (Pusat Siswazah)	33
5.8. Elaun Ketua Jaminan Kualiti	34



5.9.	Elaun Ketua Editor Jurnal/ Ketua Makmal/ Ketua Unit (Pusat Siswazah).....	34
5.10.	Elaun Kemudahan Telefon.....	35
5.11.	Elaun Trengkas Dwibahasa	37
5.12.	Elaun Kerja Lebih Masa.....	38
5.13.	Elaun Tugas atas panggilan (<i>On-Call</i>).....	40
5.14.	Elaun Perjalanan Kenderaan.....	41
5.15.	Elaun Memangku.....	43
5.16.	Elaun Tanggungan Kerja	44
5.17.	Elaun Pembantu Khas.....	45
5.18.	Elaun Menjalankan Tugas Rasmi/ Mesyuarat/ Persidangan	47
5.19.	Elaun Menghadiri Kursus/ Seminar/ Bengkel/ Latihan.....	48
5.20.	Elaun Pakaian Panas	55
5.21.	Elaun Tuntutan Lokum	55
5.22.	Elaun Pindah Rumah.....	56
5.23.	Elaun Motosikal	58
5.24.	Elaun Tugas Memandu Kenderaan.....	59
5.25.	Elaun Tanggungjawab Khas Pemandu	60
5.26.	Elaun Gantian Kereta Rasmi Jawatan	61
5.27.	Elaun Perumahan Wilayah Bagi Pegawai yang Bertukar Wilayah	61
BAB 6: KEMUDAHAN KEPADA KAKITANGAN		66
6.1.	Kemudahan Pendahuluan Diri.....	66
6.2.	Kemudahan Bayaran Yuran Keahlian/ Badan Professional	67
6.3.	Kemudahan Pakaian Seragam	67
6.4.	Kemudahan Pakaian Istiadat / Upacara Rasmi.....	69
6.5.	Kemudahan Perlindungan Insurans ke Luar Negara (Urusan Persendirian).....	71
6.6.	Kemudahan Rawatan Perubatan dan Pergigian	72
6.7.	Kemudahan Tambang Mengunjungi Wilayah Asal.....	73
6.8.	Kemudahan Bayaran Balik Utiliti Untuk Pegawai Gred Khas A dan Ke atas	75
6.9.	Kemudahan Tambang Percuma Ke Luar Negeri Bagi Pegawai Gred Utama A Dan Ke atas.....	76
6.10.	Kemudahan Bayaran Bantuan Mengurus Jenazah	77
6.11.	Kemudahan Bayaran Keahlian Kelab Rekreasi	78
6.12.	Kemudahan Rumah Universiti (Untuk Kakitangan Berjawatan Penting).....	79
BAB 7: SAGUHATI KEPADA KAKITANGAN		80
7.1.	Saguhati kepada Pensyarah/ Penceramah dan Fasilitator Sambilan	80
BAB 8: PERKHIDMATAN POTONGAN GAJI.....		82
8.1.	Tujuan.....	82



8.2. Jenis-jenis Potongan Gaji.....	82
BAB 9: RUJUKAN	84

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

**SINGKATAN**

UKM

PTJ

SSM

LPG

GCR

SPC

LHDN

eSPEL

SPKLN

KSN

KWSP

KWAP

PERKESO

PERIHAL

Universiti Kebangsaan Malaysia

Pusat Tanggungjawab

Sistem Saraan Malaysia

Laporan Perubahan Gaji

Gantian Cuti Rehat

Surat Penyelesaian Cukai

Lembaga Hasil Dalam Negeri

Sistem Pengurusan Latihan

Sistem Pengurusan Ke Luar Negara

Ketua Setiausaha Negara

Kumpulan Wang Simpanan Pekerja

Kumpulan Wang Persaraan

Pertubuhan Keselamatan Sosial



BAB 1: PENGENALAN

1.1. Tujuan

Garis panduan ini disediakan bagi tujuan untuk memberi panduan dan rujukan secara umum berkenaan dengan pembayaran gaji, elaun dan kemudahan kepada kakitangan Universiti termasuk kakitangan berstatus tetap, kontrak, sementara dan sambilan. Namun begitu, garis panduan ini tidak meliputi kadar-kadar gaji dan elaun yang dibayar kepada pelajar, pembantu penyelidik atau seumpamanya yang dilantik menggunakan dana penyelidikan hendaklah merujuk kepada kadar-kadar lain yang ditetapkan oleh Universiti. Entiti perniagaan dan anak syarikat UKM boleh menggunakan garis panduan ini sekiranya masih belum mewujudkan garis panduan sendiri tertakluk kepada kelulusan Universiti atau Lembaga anak syarikat tersebut.

Objektif garis panduan ini dikeluarkan adalah untuk memberi pemahaman kepada semua kakitangan mengenai jenis-jenis elaun, kemudahan dan bayaran, syarat dan kelayakan serta kadar yang ditetapkan. Di samping itu, kakitangan juga perlu mengetahui haknya sebagai seorang kakitangan Universiti. Skim pembayaran gaji bagi kakitangan Universiti adalah berpandukan kepada Skim Saraan Malaysia (SSM)¹ yang telah ditetapkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).

Dalam era UKM mempunyai kuasa autonomi, Lembaga Pengarah Universiti (LPU) mempunyai kuasa untuk menentukan dan meluluskan bentuk dan kadar gaji atau elaun yang sesuai dan munasabah. Universiti juga berhak meluluskan sebarang elaun tambahan yang dirasakan memberi signifikan ke atas sesuatu jawatan atau tugas dan tertakluk kepada kelulusan LPU.

¹ **Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2002** Pelaksanaan Sistem Saraan Malaysia bagi Anggota Perkhidmatan Awam Persekutuan



1.2. Tafsiran

“Emolumen” bermaksud segala saraan dalam bentuk wang yang kena dibayar kepada seseorang kakitangan termasuklah gaji pokok, imbuhan tetap, bayaran insentif dan elaun bulanan yang lain.

“Gaji” bermaksud gaji pokok bagi mata gaji dalam struktur gaji SSM yang sedang berkuatkuasa dan diambil kira untuk faedah pencen.

“Prinsip Saraan” bermaksud prinsip saraan yang diterima pakai sebagai asas penetapan struktur saraan seperti gaji, elaun dan kemudahan serta syarat-syarat perkhidmatan berdasarkan prinsip-prinsip saraan yang telah ditetapkan dalam Laporan Jawatankuasa Kabinet 1976 (JKK 1976) dan Sistem Saraan Baru (1992).²

“Imbuhan Tetap” bermaksud bayaran yang layak diterima oleh pegawai yang menjalankan tugas berdasarkan skop kerja yang diberikan. Ia meliputi Imbuhan Tetap Khidmat Awam, Imbuhan Tetap Perumahan, Imbuhan Tetap Keraian, Imbuhan Tetap Jawatan Utama dan Imbuhan Tetap Gred Khas yang dibayar secara bulanan.

“Bayaran Insentif” bermaksud bayaran yang diberi kepada anggota sektor awam sebagai galakan serta penghargaan berasaskan kriteria-kriteria kepakaran, kemahiran, keanehan tugas atau perkhidmatan yang tergolong dalam Perkhidmatan Kritikal. Bayaran Insentif adalah merupakan sebahagian daripada Komponen Berubah.

“Saguhati” bermaksud pemberian yang diberikan kepada pegawai awam dalam apa-apa bentuk yang mempunyai nilai wang.

“Kemudahan” adalah diberi atas prinsip keistimewaan dan bukan merupakan hak seseorang pegawai. Ia boleh ditarik balik pada bila-bila masa jika perlu. Semua kemudahan yang berkuat kuasa masih dikekalkan.

² Buku Maklumat Skim Perkhidmatan 1 Januari 2010



“Pegawai” bermaksud seseorang yang dilantik secara tetap, kontrak dan sementara di dalam perkhidmatan Universiti.

“Pejabat Sumber Manusia” merujuk pejabat yang bertanggungjawab menguruskan pelantikan dan keperluan perkhidmatan secara khusus kepada semua kakitangan Universiti.

“Pejabat Pembayar” merujuk kepada pejabat yang bertanggungjawab memproses bayaran gaji dan elaun kepada kakitangan Universiti.

“Pegawai Pengawal” merujuk kepada Naib Canselor yang menjadi Ketua Pengawal Eksekutif dan Akademik bagi Universiti termasuk menjalankan pengawasan am ke atas segala perkiraan mengenai pengajaran, penyelidikan, kewangan, pentadbiran, kebajikan dan tata tertib di dalam Universiti.

“Pengarah Eksekutif Kewangan” ertinya pegawai utama yang bertanggungjawab kepada Naib Canselor bagi pengurusan kewangan dan perakaunan Universiti.

“Lembaga Pengarah Universiti” adalah badan kerja Universiti yang pengurusan kewangan Universiti adalah terletak hak padanya.



1.3. Prinsip

1.3.1 Prinsip Saraan³

i. Kadar Upah untuk Kerja

- a) Prinsip ini menetapkan bahawa seseorang pegawai yang menyanggah sesuatu jawatan hendaklah dibayar upahan mengikut jenis kerja dan tanggungjawab yang dijalankan. Semakin berat dan kompleks tugas dan tanggungjawab yang dijalankan, semakin tinggi upahan yang diterima.
- b) Pemakaian prinsip ini disokong dan disesuaikan dengan beberapa prinsip tambahan seperti berikut:
 - Kadar upahan untuk kerja mengikut perkhidmatan
 - Kadar upahan untuk kerja mengikut jawatan dan
 - Kadar upahan mengikut prestasi anggota.

ii. Kelayakan Masuk dan Latihan

- a) Prinsip ini memerlukan seseorang calon itu memenuhi syarat kelayakan dan latihan yang ditetapkan bagi membolehkannya melaksanakan skop, fungsi dan tugas sesebuah perkhidmatan dalam sektor awam.
- b) Bagi perkhidmatan profesional, kelulusan akademik yang berkaitan hendaklah menjadi syarat asas bagi pelantikan dan penetapan gaji permulaan.
- c) Bagi kerja-kerja yang mana keberkesanannya bergantung kepada sesuatu bakat, kemahiran, kepakaran atau pengalaman berkaitan, unsur-unsur tersebut boleh dipertimbangkan sebagai kelayakan bagi maksud pelantikan.

³ Buku Maklumat Skim Perkhidmatan 1 Januari 2010



iii. Gaji Pokok dengan Komponen Berubah

- a) Prinsip ini menetapkan supaya pegawai dibayar gaji yang mencukupi untuk menyara keperluan hidup asas (*living wage*) yang mengandungi keperluan bagi makanan, pakaian dan perumahan.
- b) Ia juga mengandungi unsur komponen tambahan yang boleh berubah-ubah mengikut keperluan dan keadaan semasa. Komponen bayaran ini mengambil kira faktor berikut:
 - Prestasi ekonomi negara
 - Kedudukan sesuatu perkhidmatan yang dianggap kritikal; dan
 - Penyediaan imbuhan bersifat galakan bagi perkhidmatan yang memerlukan kemahiran, kepakaran dan pengalaman yang khusus.

iv. Perbandingan Adil

- a) Prinsip Perbandingan Adil menetapkan saraan yang diterima oleh pegawai perlulah munasabah dan secara keseluruhannya setanding dengan saraan semasa bagi jawatan setaraf di pasaran bagi membolehkan sektor awam menarik dan mengekalkan modal insan berpengetahuan dan berkemahiran.

v. Relativiti dan Pariti

- a) Prinsip ini menekankan kedudukan relatif, sama ada di dalam skim perkhidmatan yang sama (*vertical relativity*), ataupun di antara gred dalam skim-skim perkhidmatan yang berlainan (*horizontal relativity*) tetapi terhad kepada sesuatu Kumpulan Perkhidmatan sahaja.

vi. Pengasingan

- a) Prinsip ini mengasingkan pentadbiran saraan bagi Badan-Badan Berkanun tertentu yang mempunyai kemampuan dari segi sumber



kewangan dan jentera organisasi yang kukuh daripada sistem saraan sektor awam yang lain.

- b) Memberi kebebasan dan tanggungjawab sepenuhnya kepada agensi mengedalikan sendiri saraan masing-masing.
- c) Pengasingan juga diguna pakai dalam mengurus perkhidmatan-perkhidmatan tertentu dalam sektor awam yang mana atas sifat-sifat tersendiriya lebih sesuai diperuntuk saraan yang berasingan.

1.3.2 Prinsip Elaun⁴

i. Prinsip Tidak Sejagat

- a) Membolehkan pemberian elaun kepada kumpulan atau perkhidmatan yang ditetapkan.
- b) Antara jenis elaun yang menggunakan prinsip ini adalah seperti Imbuhan Tetap Jawatan Utama, Imbuhan Tetap Keraian, Bayaran Insentif Perkhidmatan Kritikal, Bayaran Insentif Bilik Mayat dan lain-lain.

ii. Prinsip Tidak Biasa

- a) Menetapkan bahawa elaun diberi hanya dalam keadaan-keadaan tertentu
- b) Antara jenis elaun yang menggunakan prinsip ini adalah seperti Bayaran Insentif Wilayah, Elaun Gangguan, Bayaran Lebih Masa dan lain-lain.

iii. Prinsip Tidak Kekal

- a) Elaun dibayar adalah sementara.
- b) Boleh dibatalkan atau dihentikan sekiranya pegawai tidak lagi menjalankan sesuatu tugas yang berkaitan.

⁴Prinsip Pemberian Elaun www.jpa.gov



- c) Antara jenis elaun yang menggunakan prinsip ini adalah seperti Bayaran Insentif Tugas Kewangan, Elaun Penanggungungan Kerja dan lain-lain.

iv. Prinsip Kesaksamaan

- a) Menjamin pemberian elaun yang lebih adil.
- b) Tidak terhad kepada mana-mana perkhidmatan, kumpulan atau gred tertentu.
- c) Boleh dipanjangkan kepada pegawai dalam perkhidmatan lain yang layak.

Contohnya Bayaran Insentif Tugas Kewangan (BITK) dipanjangkan kepada skim perkhidmatan yang setaraf atau lebih rendah dari skim perkhidmatan Pembantu Tadbir (P/O) yang menjalankan tugas kewangan sepenuh masa.



BAB 2: GAJI

2.1. Jenis dan Kategori

Penentuan gaji yang dibayar kepada kakitangan adalah mengikut kategori lantikan perkhidmatan seperti berikut;

2.1.1. Kakitangan Tetap

Kakitangan Tetap ialah kakitangan awam yang dilantik melalui Pejabat Sumber Manusia. Kakitangan tetap adalah tertakluk kepada peraturan dan syarat-syarat yang ditetapkan oleh JPA. Pembayaran gaji adalah menggunakan peruntukan Dasar Sedia Ada atau *One-Off*.

2.1.2. Kakitangan Kontrak

Kakitangan kontrak ialah lantikan secara bertempoh dengan memenuhi syarat-syarat perkhidmatan khas yang telah ditetapkan. Gaji akan dibayar mengikut skim yang ditawarkan.

i. *Contract of service*

Contract of service mengguna pakai skim perkhidmatan, gred dan kadar gaji sebagaimana yang ditetapkan di dalam JPA.

ii. *Contract for service*

Contract for service mengguna pakai sebarang skim perkhidmatan, gred jawatan, kadar gaji serta sebarang peraturan yang ditetapkan oleh UKM.

2.1.3. Kakitangan Sambilan

Kakitangan sambilan dilantik bagi melaksanakan tugas yang bersifat projek/program *ad hoc* atau bermusim. Kadar upah yang digunapakai adalah seperti berikut⁵;

⁵ Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 2011 Dasar dan Prosedur Pengambilan Pekerja Sambilan Harian



Kelayakan Akademik	Upah RM/ sehari
Ijazah Sarjana Muda	100.00
Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia/ Diploma	72.00
Sijil Pelajaran Malaysia	54.00
Sijil Rendah Pelajaran/ Penilaian Menengah Rendah	

2.1.4. Kakitangan Sementara

Kakitangan sementara dilantik untuk menjalankan sesuatu fungsi bagi suatu tempoh tertentu di mana peruntukan emolumennya ditetapkan di bawah anggaran belanja mengurus dan tersenarai dalam senarai perjawatan

2.2. Proses Bayaran Gaji

Proses bayaran gaji adalah tertakluk kepada perkara berikut:

2.2.1. Laporan Perubahan Gaji (LPG)

Bayaran gaji kakitangan yang berkhidmat akan dibayar berdasarkan LPG yang dikeluarkan oleh Pejabat Sumber Manusia. LPG akan dikeluarkan bagi tujuan berikut:

- i. Pelarasan Gaji dan Elaun kerana kenaikan pangkat
- ii. Pelarasan Gaji dan Elaun yang telah terlebih atau terkurang bayar

2.2.2. Ganjaran Tamat Kontrak

Ganjaran tamat kontrak merupakan salah satu faedah yang akan diterima kakitangan yang bertaraf Tetap dan Kontrak setelah tamat perkhidmatan.

2.2.3. Gantian Wang Tunai atau Gantian Cuti Rehat (GCR)

Ia adalah *award* yang diberi kepada kakitangan Tetap dan Kontrak yang tidak berpeluang menghabiskan cuti rehat disebabkan kepentingan perkhidmatan. Bayaran ini akan dibuat setelah tamat tempoh perkhidmatan.



Contoh pengiraan GCR;

$$\frac{1}{30} \times (\text{Gaji pokok yang terakhir} + \text{ITKA} + \text{ITP}) \times \text{jumlah hari cuti rehat yang terkumpul}$$

2.2.4. Penamatan Perkhidmatan

Penamatan perkhidmatan berlaku sekiranya seseorang kakitangan tersebut

Berhenti, Bersara atau Meninggal Dunia.

2.2.5. Sijil Gaji Akhir

Sijil Gaji akhir akan dikeluarkan oleh Pejabat Sumber Manusia beserta LPG (Penamatan Perkhidmatan) kepada kakitangan apabila;

- i. tamat menjalani Latihan Siswazah
- ii. pelepasan jawatan, pertukaran pelantikan ke mana-mana Agensi Kerajaan.

Sijil ini akan dihantar ke agensi berkenaan.



BAB 3: IMBUHAN TETAP

3.1. Imbuan Tetap Khidmat Awam (ITKA)

3.1.1. Tujuan

Imbuan Tetap Khidmat Awam (ITKA) bermaksud elaun yang diberi kepada kakitangan yang menjawat jawatan strategik dalam perkhidmatan awam.

3.1.2. Kelayakan

Dibayar kepada kakitangan lantikan Tetap, Kontrak dan Sementara dalam Kumpulan Pelaksana dan Kumpulan Pengurusan dan Professional bermula dari Gred 1 hingga 42 sahaja.

3.1.3. Syarat-syarat

Kakitangan yang masih dalam perkhidmatan. Bayaran elaun ini akan dinyatakan dalam LPG berdasarkan kadar kelayakan yang ditetapkan.

3.1.4. Kadar

Kadar kelayakan adalah seperti berikut;⁶

Gred	Kadar Sebulan (RM)
41 – 45 (Guru Bahasa/ Pengajar/ Pensyarah)	300.00
41 – 42	300.00
36 – 40	220.00
34 – 35	170.00
27 – 32	160.00
25 – 26	140.00
17 - 24	115.00
16 ke bawah	95.00

⁶ Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 8 Tahun 2006 Pindaan Kadar Imbuan Tetap Khidmat Awam Bagi Pegawai Dalam Kumpulan Sokongan



3.2. Imbuhan Tetap Perumahan (ITP)

3.2.1. Tujuan

Imbuhan Tetap Perumahan (ITP) dibayar bagi tujuan mengurangkan kos sara hidup kakitangan awam.

3.2.2. Kelayakan

Dibayar kepada kakitangan lantikan Tetap, Kontrak dan Sementara dalam Kumpulan Pengurusan Tertinggi, Kumpulan Pengurusan dan Professional serta Kumpulan Pelaksana.

3.2.3. Syarat-syarat

Kakitangan yang masih dalam perkhidmatan. Bayaran elaun ini akan dinyatakan dalam LPG berdasarkan kadar kelayakan yang ditetapkan.

3.2.4. Kadar

Kadar yang ditetapkan adalah seperti berikut;⁷

Taraf Jawatan	Gred	Kadar Sebulan (RM)
Kumpulan Pengurusan Tertinggi	Turus I hingga III	2,500.00
	Jusa/ Khas A	2,000.00
	Jusa/ Khas B	1,600.00
	Jusa/ Khas C	1,300.00
Kumpulan Pengurusan dan Profesional	55 - 56	1,100.00
	53 - 54	900.00
	45 - 52	700.00
	43 - 44	400.00
	41 - 42	300.00
Kumpulan Pelaksana	1 - 40	300.00

⁷ Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 8 Tahun 2015 Imbuhan Tetap Perumahan Bagi Perkhidmatan Awam Persekutuan



3.3. Imbuhan Tetap Keraian

3.3.1. Tujuan

Imbuhan Tetap Keraian bertujuan membiayai perbelanjaan bagi meraikan tetamu, orang kenamaan dan mengikuti tugas-tugas rasmi.

3.3.2. Kelayakan

Dibayar kepada kakitangan lantikan Tetap, Kontrak dan Sementara dalam Kumpulan Pengurusan Tertinggi dan Kumpulan Pengurusan Professional.

3.3.3. Syarat-syarat

Kakitangan yang masih dalam perkhidmatan. Bayaran elaun ini akan dinyatakan dalam LPG berdasarkan kadar kelayakan yang ditetapkan.

3.3.4. Kadar

Kadar yang layak diterima adalah seperti berikut;⁸

Taraf Jawatan	Gred	Kadar Sebulan (RM)
Kumpulan Pengurusan Tertinggi ⁹	Turus I	5,200.00
	Turus II	5,100.00
	Turus III	5,000.00
	Jusa/ Khas A	4,000.00
	Jusa/ Khas B	3,050.00
	Jusa/ Khas C	2,500.00
Kumpulan Pengurusan dan Profesional	53 – 54	800.00
	51 – 52	600.00
	47 - 50	550.00
	43 – 44	400.00

⁸ **Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 1996** Bayaran Insentif Khas, Imbuhan Tetap Keraian, Bantuan Pembantu Rumah dan Penyelenggara Rumah Kumpulan Pengurusan Tertinggi Serta Imbuhan Tetap Perumahan Kumpulan Pengurusan & Profesional

⁹ **Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 10 Tahun 2008** Pindaan Kadar Imbuhan Tetap Jawatan Gred Khas dan Imbuhan Tetap Keraian Bagi Jawatan Gred Khas



Taraf Jawatan	Gred	Kadar Sebulan (RM)
Pensyarah	55 – 56	2,100.00
	53 – 54	800.00
	51 - 52	600.00
	45*	500.00

*Imbuan ini akan diberi kepada kakitangan pada tahun ke 10 dan ke atas dalam gred yang sama atau setaraf. Tempoh ini tidak termasuk tempoh cuti tanpa gaji. Bayaran yang diterima bagi tempoh sebelum itu adalah ITKA sebanyak RM 300.00

3.4. Imbuan Tetap Jawatan Khas/ Gred Khas

3.4.1. Tujuan

Imbuan Tetap Jawatan Khas/ Gred Khas merupakan imbuan galakan kepada pegawai yang terlibat.

3.4.2. Kelayakan

Kakitangan yang menjawat jawatan seperti jadual di bawah.

3.4.3. Syarat-syarat

Kakitangan yang masih dalam perkhidmatan. Bayaran elaun ini akan dinyatakan dalam LPG berdasarkan kadar kelayakan yang ditetapkan.

3.4.4. Kadar

Kadar yang layak diterima adalah seperti yang ditetapkan dalam jadual berikut;¹⁰

Gred	Kadar Sebulan (RM)
Turus I	3,000.00
Turus II	3,000.00

¹⁰ **Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 9 Tahun 1991** Pelaksanaan Sistem Saraan Baru Berdasarkan Laporan Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Gaji Sektor Awam 1991



Turus III	3,000.00
Jusa/ Khas A ¹¹	2,500.00
Jusa/ Khas B	1,500.00
Jusa/ Khas C	1,000.00

¹¹ Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 10 Tahun 2008 Pindaan Kadar Imbuhan Tetap Jawatan Gred Khas Dan Imbuhan Tetap Keraian Bagi Jawatan Gred Khas



BAB 4: BAYARAN INSENTIF

4.1. Bayaran Insentif Wilayah

4.1.1. Tujuan

Bayaran Insentif Wilayah (BIW) adalah bayaran insentif kepada pegawai Perkhidmatan Awam yang bertukar wilayah.

4.1.2. Syarat-syarat

- i. Pegawai yang bertukar wilayah adalah tertakluk kepada syarat-syarat berikut;
 - a. Pegawai yang berasal dari Sabah dan Sarawak yang dilantik dan/ atau ditempatkan berkhidmat di Semenanjung.
 - b. Pegawai yang berasal dari Semenanjung yang dilantik dan/ atau ditempatkan berkhidmat di Sabah dan Sarawak.
 - c. Pegawai dari Sabah dan Sarawak yang bertukar di negeri-negeri itu.
 - d. Ibu atau ayah kepada pegawai tersebut yang lahir di Sabah/ Sarawak.
- ii. Dokumen berikut perlu dikemukakan bagi melayakkan kakitangan mendapat bayaran ini;
 - a. Sijil kelahiran ibu atau bapa pegawai.
 - b. Sijil kelahiran pegawai.
 - c. Surat akuan sumpah bertujuan mengistiharkan wilayah yang dipilih samada mengikut wilayah asal ibu atau bapa.

4.1.3. Kadar

Kadar yang layak diterima adalah seperti yang ditetapkan dalam jadual berikut;¹²

¹² **Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 7 Tahun 2007** Pemberian Kenaikan Gaji kepada Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan di bawah Sistem Saraan Malaysia.



Lingkungan Gaji (termasuk Elaun Pemangkuan)	Peratus daripada Gaji yang diterima (%)
RM 6,289.14 dan ke atas	12.5
RM 4,029.64 – RM 6,289.13	15
RM 2,015.74 – RM 4,029.63	17.5
RM 1,329.74 – RM 2,015.73	20
RM 951.35 – RM 1,329.73	22.5
RM 951.34 dan ke bawah	25

4.2. Bayaran Insentif Tugas Kewangan

4.2.1. Tujuan

Bayaran Insentif Tugas Kewangan (BITK) ini diberi sebagai insentif kepada Pembantu Tadbir (P/O) untuk meningkatkan kecekapan dan kemahiran serta melaksanakan tugas dengan lebih dedikasi dan tanggungjawab.

4.2.2. Syarat-syarat

- Pegawai dari skim perkhidmatan lain yang setaraf dan skim perkhidmatan lain yang lebih rendah dari Pembantu Tadbir (P/O), Pembantu Akauntan dan Pembantu Tadbir (Kewangan) yang menjalankan tugas kewangan sepenuh masa (Gred 19 – 28).
- Pertimbangan khas kepada Pembantu Tadbir (P/O) yang bertugas bersendirian di pejabat kecil dan menjalankan tugas kewangan di samping menjalankan tugas lain.

4.2.3. Kadar

Kadar yang layak diterima adalah seperti yang ditetapkan dalam jadual berikut¹³;

¹³ **Pekeliling Perkhidmatan Bil. 5 Tahun 2001** Pemanjangan Bayaran Insentif Tugas Kewangan Berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 1999



Kelayakan	Kadar sebulan (RM)
Kakitangan yang memiliki sijil	80.00
Kakitangan yang tidak memiliki sijil	40.00

4.3. Bayaran Insentif Tanggungjawab Tambahan (ETT)

4.3.1. Tujuan

Bayaran Insentif Tanggungjawab Tambahan (ETT) sebagai kemudahan bayaran insentif kepada pegawai pentadbiran yang diberi tanggungjawab sebagai ketua di sesebuah pejabat/ organisasi yang mempunyai lebih daripada seorang pegawai dalam gred yang sama.

4.3.2. Syarat-syarat

- Bayaran elaun ini hanya boleh dipertimbangkan sekiranya Jabatan/ Bahagian/ Unit Pentadbiran yang mempunyai lebih daripada seorang pegawai pada gred yang sama; dan
- Lantikan dan bayaran hanya untuk tempoh 12 bulan dan sekiranya diperlukan perlu dipertimbangkan semula.

4.3.3. Kadar

Kadar yang layak diterima adalah seperti yang ditetapkan dalam jadual berikut;

Gred Jawatan	Kadar sebulan (RM)
54	500.00
52	400.00
48	300.00
41 & 44	200.00



4.4. Bayaran Insentif Perkhidmatan Kritikal

4.4.1. Tujuan

Bayaran Insentif Perkhidmatan Kritikal diberi kepada skim-skim perkhidmatan yang dikategorikan sebagai Perkhidmatan Kritikal.

4.4.2. Syarat-syarat

Bayaran ini layak diberi kepada pegawai yang memenuhi semua syarat berikut:

- i. Mempunyai kelayakan/ kelulusan yang disyaratkan dalam skim-skim perkhidmatan yang telah ditetapkan sebagai Perkhidmatan Kritikal;
- ii. Dilantik sebagai pegawai tetap/ sementara/ kontrak (pegawai kontrak dari dalam dan luar negara) dalam perkhidmatan-perkhidmatan yang telah ditetapkan sebagai Perkhidmatan Kritikal;
- iii. Pegawai tergolong dalam Kumpulan Pengurusan dan Profesional atau Kumpulan Sokongan; dan
- iv. Menggunakan kelayakan/ kelulusan yang dimilikinya untuk menjalankan skop dan fungsi bidang tugas skim perkhidmatan yang telah ditetapkan sebagai Perkhidmatan Kritikal.

4.4.3. Kadar

Kadar yang layak diterima adalah seperti yang ditetapkan dalam jadual berikut¹⁴;

Jawatan	Kadar sebulan (RM)
Kumpulan Pengurusan dan Profesional	5% daripada gaji pokok
Kumpulan Pelaksana	10% daripada gaji pokok

¹⁴ Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 17 Tahun 2007 Bayaran Insentif Perkhidmatan Kritikal



Jawatan	Kadar sebulan (RM)
Pegawai Perubatan, Pegawai Pergigian, Pensyarah Pergigian, Pensyarah Universiti (Farmasi), Pegawai Farmasi	RM 750.00
Jururawat	15% daripada gaji pokok

4.5. Insentif Pos Basik

4.5.1. Tujuan

Bayaran Insentif Pos Basik (BIPB) diberi kepada semua anggota paramedik dan jururawat UKM.

4.5.2. Syarat-syarat

Bayaran ini layak diberi kepada pegawai yang memenuhi semua syarat berikut¹⁵;

- i. Anggota paramedik memiliki sijil pos basik dalam bidang-bidang yang telah diluluskan pembayaran BIPB oleh kerajaan.
- ii. Anggota paramedik mestilah melaksanakan tugas dalam bidang pos basik.
- iii. Hanya satu sahaja BIPB yang boleh diterima oleh anggota paramedik walaupun mempunyai lebih daripada satu sijil pos basik

4.4.3. Kadar

Kadar yang layak diterima adalah seperti yang ditetapkan dalam jadual berikut¹⁶;

Kelayakan	Kadar sebulan (RM)
Anggota Paramedik yang memiliki sijil Pos Basik	100.00

¹⁵ Garis Panduan Pelaksanaan Pembayaran Insentif Pos Basik Kepada Anggota Paramedik KKM, bertarikh 26 April 2012

¹⁶ Pelaksanaan Bayaran Insentif Pos Basik Kepada Anggota Paramedik KKM bertarikh 17 Februari 2016



4.6. Bayaran Insentif Akademik Pensyarah Perubatan

4.6.1. Tujuan

Bayaran Insentif Akademik Pensyarah Perubatan diberi kepada pegawai dalam Skim Perkhidmatan Pensyarah Perubatan Gred DU45, DU51/52, DU53/54, Gred Khas C dan ke atas sebagai penghargaan dan pengiktirafan kepada Pensyarah Perubatan yang menjalankan tugas-tugas pengajaran, pembelajaran, tugas-tugas klinikal (dengan kelulusan kepakaran klinikal) dan tugas-tugas pre-klinikal (tanpa kelulusan kepakaran klinikal).

4.6.2. Syarat-syarat

Pensyarah Perubatan yang layak dibayar Bayaran Insentif Akademik Pensyarah Perubatan di Institusi Pengajian Tinggi Awam adalah pegawai tetap, sementara dan kontrak.

4.6.3. Kadar

Kadar yang layak diterima adalah seperti yang ditetapkan dalam jadual berikut¹⁷;

Gred Jawatan	Kadar Sebulan (RM)	
	Dengan Kelulusan Kepakaran Klinikal	Tanpa Kelulusan Kepakaran Klinikal
VK7 dan ke atas	1,200.00	1,000.00
DU 55/56	1,000.00	1,000.00
DU 53/54	1,000.00	800.00
DU 51/52	800.00	600.00
DU 51P	600.00	400.00

¹⁷ Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 8 Tahun 2010 Bayaran Insentif Akademik Pensyarah Perubatan di Institusi Pengajian Tinggi Awam.



4.7. Bayaran Insentif Pakar

4.7.1. Tujuan

Bayaran Insentif Pakar diberi kepada Pegawai Perubatan Pakar (Klinikal) dan Pegawai Pergigian Pakar (Klinikal) dan turut dipanjangkan kepada Pegawai Perubatan Pakar (Kesihatan Awam).

4.7.2. Syarat-syarat

Bayaran ini layak diberi kepada pegawai yang memenuhi semua syarat berikut:

- i. Merupakan Pengamal Perubatan yang berdaftar dengan Majlis Perubatan Malaysia.
- ii. Mempunyai kelulusan di dalam Sarjana Kesihatan Awam [*Master in Public Health (MPH)/ Master in Hospital Administration (MHA)/ Master in Health Planning (MHP)*] dengan mengikuti pengajian selama empat tahun.
- iii. Mempunyai kelulusan Sarjana Kesihatan Awam (MPH/MHA/MHP) dengan mengikuti pengajian selama satu tahun dan Doktorat Kesihatan Awam (DrPH) selama tiga tahun.
- iv. Mempunyai kelulusan MPH/MHA/MHP dengan mengikuti pengajian selama satu tahun pengajian sebelum tahun 2000 dan telah berkhidmat dalam bidang kesihatan awam selama lapan tahun.
- v. Diwartakan sebagai pakar oleh KPK atau Jawatankuasa Khas Perubatan/ Jawatankuasa Khas setaraf dengannya yang ditubuhkan oleh kerajaan.

4.7.3. Kadar

Kadar yang layak diterima adalah seperti yang ditetapkan dalam jadual berikut¹⁸;

Gred (U, UD, DU, DUG)	Kadar Sebulan (RM)
Utama/ Khas C dan ke atas	3,100.00

¹⁸ **Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 7 Tahun 2011** Bayaran Insentif Pakar, Bayaran Insentif Kesihatan Awam Pegawai Pergigian dan Bayaran Insentif Pegawai Kesihatan Daerah.



Gred (U, UD, DU, DUG)	Kadar Sebulan (RM)
55 dan 56	3,000.00
53 dan 54	2,800.00
51P, 51 dan 52	2,500.00
47 dan 48	2,200.00
43 dan 44	1,900.00
41 dan 42	1,600.00

4.8. Bayaran Insentif Tugas Pengurusan Stor

4.8.1. Tujuan

Bayaran Insentif Tugas Pengurusan Stor (BITPS) diberi kepada Pembantu Tadbir (Perkeranian/ Operasi) PT(P/O) yang menjalankan tugas dalam bidang pengurusan stor sebagai galakan kepada PT(P/O) untuk meningkatkan kecekapan dan kemahiran dalam bidang pengurusan stor.

4.8.2. Syarat-syarat

Bayaran ini layak diberi kepada pegawai yang memenuhi semua syarat berikut:

- i. PT(P/O) yang menjalankan tugas pengurusan stor sepenuh masa dalam bidang kawalan stok dan penstoran
- ii. PT(P/O) yang dilantik secara kontrak dan sementara yang menjalankan tugas pengurusan stor sepenuh masa dalam bidang kawalan stok dan penstoran.

4.8.3. Kadar

Kadar yang layak diterima adalah seperti yang ditetapkan dalam jadual berikut¹⁹;

Kelayakan	Kadar sebulan (RM)
Kakitangan yang memiliki sijil	80.00

¹⁹ Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 8 Tahun 1999 Bayaran Insentif Tugas Pengurusan Stor



Kelayakan	Kadar sebulan (RM)
Kakitangan yang tidak memiliki sijil	40.00

4.9. Bayaran Insentif Atendan Bilik Mayat

4.9.1. Tujuan

Kementerian Kesihatan Malaysia telah meluluskan Bayaran Insentif Bertugas di bilik mayat yang dinikmati oleh Atendan Kesihatan dan dipanjangkan kepada Pembantu Perubatan yang bertugas di bilik mayat Hospital Kerajaan.

4.9.2. Syarat-syarat

Bayaran ini layak diberi kepada Atendan dan Juruteknologi Makmal Perubatan yang bertugas sepenuh masa di bilik mayat.

4.9.3. Kadar

Kadar Bayaran Insentif Atendan Bilik Mayat ialah RM100.00 sebulan.



BAB 5: PELBAGAI ELAUN

5.1. Elaun Timbalan Naib Canselor

5.1.1. Tujuan

Elaun Timbalan Naib Canselor dibayar kepada pegawai kanan Universiti yang dilantik sebagai Timbalan Naib Canselor.

5.1.2. Syarat-syarat

Elaun Timbalan Naib Canselor layak dibayar kepada pegawai yang memegang Timbalan Naib Canselor yang dilantik oleh Universiti.

5.1.3. Kadar

Kadar Elaun Timbalan Naib Canselor ialah RM1,500.00 sebulan.²⁰

5.2. Elaun Pro Naib Canselor

5.2.1. Tujuan

Elaun Pro Naib Canselor dibayar kepada Pegawai Kanan Universiti yang memegang jawatan Pro Naib Canselor di Universiti.

5.2.2. Syarat-syarat

Elaun ini layak diberi kepada Pro Naib Canselor yang dilantik oleh Universiti.

5.2.3. Kadar

Kadar Elaun Pro Naib Canselor ialah RM1,300.00 sebulan.²¹

²⁰ Mesyuarat Pengurusan Universiti Kebangsaan Malaysia Bil.10/2018 bertarikh 5 Jun 2018

²¹ Mesyuarat Pengurusan Universiti Kebangsaan Malaysia Bil.10/2018 bertarikh 5 Jun 2018



5.3. Elaun Pengarah/ Timbalan Pengarah

5.3.1. Tujuan

Elaun Pengarah dibayar kepada pegawai yang memegang jawatan Pengarah/ Timbalan Pengarah bagi sesuatu PTJ.

5.3.2. Syarat-syarat

Elaun ini layak diberi kepada pegawai yang dilantik sebagai Pengarah PTJ/ Timbalan Pengarah oleh Universiti.

5.3.3. Kadar

Jawatan	Kadar sebulan (RM)
Pengarah	800.00
Timbalan Pengarah	600.00

5.4. Elaun Dekan/ Timbalan Dekan/ Penolong Dekan/ Pengerusi Pusat

5.4.1. Tujuan

Elaun Dekan/ Timbalan Dekan/ Penolong Dekan/ Pengerusi Pusat dibayar kepada kakitangan Akademik yang memegang jawatan di fakulti pengajian.

5.4.2. Syarat-syarat

Elaun ini layak dibayar kepada mereka yang dilantik oleh universiti.

5.4.3. Kadar²²

Jawatan	Kadar sebulan (RM)
Dekan	800.00

²² Mesyuarat Pengurusan Universiti Kebangsaan Malaysia Bil.10/2018 bertarikh 5 Jun 2018



Jawatan	Kadar sebulan (RM)
Timbalan Dekan	600.00
Penolong Dekan	450.00
Pengerusi Pusat	450.00

5.5. Elaun Pengetua Kolej/Timbalan Pengetua Kolej

5.5.1. Tujuan

Elaun Pengetua Kolej dibayar kepada pegawai yang memegang jawatan Pengetua/ Timbalan Pengetua Kolej di kolej-kolej penginapan Universiti.

5.5.2. Syarat-syarat

Elaun ini layak diberi kepada Pengetua/ Timbalan Pengetua Kolej yang dilantik oleh Universiti.

5.5.3. Kadar

Jawatan	Kadar sebulan (RM)
Pengetua Kolej	800.00
Timbalan Pengetua Kolej	600.00

5.6. Elaun Felo Penghuni Kolej (EFPK)

5.6.1. Tujuan

Elaun ini dibayar kepada Felo Penghuni Kolej yang menerima lantikan daripada Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Pelajar & Alumni).

5.6.2. Syarat-syarat

- Sekurang-kurangnya mempunyai Ijazah Sarjana Muda (dari mana-mana IPTA/ IPTS & mana-mana jurusan/ program pengajian);



- ii. Mesti mempunyai minat berkaitan perkembangan pelajar;
- iii. Felo Penghuni Kolej juga boleh terdiri daripada kakitangan akademik; atau bukan akademik UKM (Gred 41 dan ke atas atau Gred 41 ke bawah tetapi mempunyai Ijazah Sarjana Muda); atau pelajar pasca siswazah UKM; atau kakitangan sambilan UKM seperti Pembantu Penyelidik; atau kakitangan yang berurus-kait dengan UKM secara langsung; dan
- iv. Felo Penghuni Kolej boleh dilantik sementara oleh Pengetua dan bertaraf lantikan sementara iaitu sementara menunggu lantikan rasmi oleh TNC HEPA tetapi tidak layak dibayar elaun.

5.6.3. Kadar

Kadar Elaun Felo Penghuni Kolej ialah RM300.00 sebulan²³

5.7. Elaun Ketua Program/ Ketua Disiplin / Ketua Pusat Kecemerlangan/ Ketua Editor Jurnal/ Ketua Makmal/ Ketua Unit (Pusat Siswazah)

5.7.1. Tujuan

Elaun Pengerusi dibayar kepada kakitangan Akademik yang memegang jawatan pentadbiran di fakulti pengajian.

5.7.2. Syarat-syarat

Elaun ini layak diberi kepada kakitangan Akademik yang dilantik.

5.7.3. Kadar²⁴

Jawatan	Kadar sebulan (RM)
Ketua Program / Ketua Disiplin	350.00
Ketua Pusat Kecemerlangan	300.00

²³ Lembaga Pengarah Universiti Kebangsaan Malaysia Bil.1/2009 bertarikh 5 Februari 2009

²⁴ Mesyuarat Pengurusan Universiti Kebangsaan Malaysia Bil.10/2018 bertarikh 5 Jun 2018



5.8. Elaun Ketua Jaminan Kualiti

5.8.1. Tujuan

Elaun Ketua Jaminan Kualiti dibayar kepada pegawai yang memegang jawatan Ketua Jaminan Kualiti bagi sesuatu PTJ.

5.8.2. Syarat-syarat

Elaun ini layak diberi kepada pegawai yang dilantik menjadi Ketua Jaminan Kualiti oleh Universiti.

5.8.3. Kadar

Kadar elaun Ketua Jaminan Kualiti diselaraskan mengikut jumlah prosedur kerja PTJ masing-masing seperti berikut;²⁵

Kategori	Bilangan Prosedur Kerja	Kadar sebulan (RM)
1	1 hingga 4	150.00
2	5 hingga 9	200.00
3	10 dan ke atas	300.00

5.9. Elaun Ketua Editor Jurnal/ Ketua Makmal/ Ketua Unit (Pusat Siswazah)

5.9.1. Tujuan

Elaun ini dibayar kepada kakitangan jawatan akademik yang memegang jawatan di fakulti pengajian.

5.9.2. Syarat-syarat

Elaun ini layak diberi kepada kakitangan yang dilantik oleh Universiti.

²⁵ Mesyuarat Pengurusan Universiti Kebangsaan Malaysia Bil.10/2018 bertarikh 5 Jun 2018



5.9.3. Kadar

Kadar Elaun ialah RM300.00 sebulan.²⁶

5.10. Elaun Kemudahan Telefon

5.10.1. Tujuan

Elaun yang diberi kepada pegawai yang layak atas kepentingan jawatan yang disandang.

5.10.2. Kadar

Kadar yang layak diterima adalah seperti yang ditetapkan dalam jadual berikut;²⁷

i. Layak secara automatik berdasarkan gred jawatan hakiki

Gred Jawatan	Elaun Kemudahan Telefon (RM)
Turus III dan ke atas	RM 400.00
JUSA C dan ke atas (Akademik dan Pentadbiran)	RM 300.00
Gred 53/54 (Akademik dan Pentadbiran)	RM 180.00
Pegawai Pentadbiran Gred 47 hingga 52	RM 100.00
Nota : Pekeliling Jabatan Pendaftar Bil 7/2016 Gred 53 dan ke atas (Akademik dan tidak menjawat Jawatan Pentadbiran)	Pengurangan 50% had caj bulanan

²⁶ Mesyuarat Pengurusan Universiti Kebangsaan Malaysia Bil.10/2018 bertarikh 5 Jun 2018

²⁷ Pekeliling Jabatan Pendaftar Bil. 13/2014 Semakan Polisi Kemudahan Alat Komunikasi Mudah Alih (Pemberian Elaun dan Pembelian Alat)



ii. Layak diberikan atas keperluan pentadbiran:

- a) Kakitangan bagi kategori ini perlu mengemukakan permohonan pembayaran elaun.
- b) Permohonan dan justifikasi diperlukan dan disahkan oleh Ketua Jabatan.

Gred Jawatan	Elaun Kemudahan Telefon (RM)
Kakitangan Akademik Gred 45 – 52 yang memegang jawatan pentadbiran *Lantikan Naib Canselor setaraf Ketua Jabatan (elaun tidak kurang RM 600.00 sebulan)	RM 100.00
Jurutera/ Jurukur Bahan/ Arkitek/ Perancang Bandar Gred J41 dan J44	RM 100.00
Pegawai (Pentadbiran/ Kewangan) Gred 41/44 yang mengetuai Pentadbiran/ Kewangan PTJ	RM 100.00
Pemandu Turus III dan Pemandu Pengurusan Tertinggi	RM 50.00
Penolong Jurutera dan Pengurusan Kenderaan	RM 50.00
Setiausaha Pejabat Gred N27 – N32 dan Pembantu Setiausaha Pejabat Gred N17 – N22	RM 30.00
Pemandu Kenderaan	RM 30.00



5.11. Elaun Trengkas Dwibahasa

5.11.1. Tujuan

Elaun ini dibayar kepada Pembantu Setiausaha/ Setiausaha Pejabat yang telah lulus peperiksaan trengkas Bahasa Inggeris (seperti dinyatakan di dalam syarat).

5.11.2. Syarat-syarat

- i. Lulus peperiksaan trengkas Bahasa Inggeris
- ii. Ketua Jabatan adalah bertanggungjawab untuk mengesahkan senarai Pembantu Setiausaha/ Setiausaha yang melaksanakan tugas-tugas trengkas atau nota ringkas dwibahasa dan memperakukannya untuk kelulusan bayaran elaun ini
- iii. Sekiranya Ketua Jabatan mendapati bahawa mutu kecekapan Pembantu Setiausaha/ Setiausaha telah merosot, maka Ketua Jabatan berkaitan boleh mengarahkan supaya Pembantu Setiausaha/ Setiausaha tersebut mengambil semula peperiksaan nota rintas.
 - i. Sekiranya Pembantu Setiausaha/ Setiausaha berkenaan gagal, elaun tersebut akan diberhentikan.
 - ii. Pembantu Setiausaha/ Setiausaha yang sedang menikmati elaun ini, tidak layak dibayar elaun tersebut apabila meninggalkan tugasnya selama 28 hari dan lebih secara berturut-turut termasuk hari kelepasan mingguan dan kelepasan am dalam keadaan berikut:
 - a) Menghadiri kursus yang diarahkan oleh Ketua Jabatan
 - b) Menjalankan tugas rasmi atas arahan Ketua Jabatan; atau
 - c) Bercuti sakit yang disokong oleh sijil sakit mengikut Perintah Am Bab C
 - iii. Ketua Jabatan adalah bertanggungjawab ke atas urusan kelulusan pembayaran elaun serta pemberhentian elaun di atas.



5.11.3. Kadar

Kadar yang layak diterima adalah seperti yang ditetapkan dalam jadual berikut;

Bil.	Tahap Kecekapan /Kederasan	Kadar Sebulan (RM)
1.	Mengambil trengkas atau nota rintas sederhana 80 perkataan seminit (p.s.m) dan menaip Salinan trengkas atau nota rintas sederhana 20 p.s.m.	85.00
2.	Mengambil trengkas atau nota rintas sederhana 100 p.s.m. dan menaip salinan trengkas atau nota rintas sederhana 25 p.s.m.	100.00

5.12. Elaun Kerja Lebih Masa

5.12.1. Tujuan

Kerja Lebih Masa bermaksud kerja yang dilakukan di luar waktu pejabat biasa yang ditetapkan kepada seseorang kakitangan untuk menjalankan tugas-tugas rasmi yang berkaitan dengan jawatan hakikinya atau jabatannya. Kerja-kerja peribadi adalah tidak dikira sebagai kerja lebih masa.

5.12.2. Kelayakan

- i. Semua kakitangan sokongan yang dilantik samada berjawatan tetap, kontrak, sementara atau sambilan layak menuntut kerja lebih masa. Pegawai dalam Kumpulan Pengurusan dan Iktisas dan Kumpulan Kerja dan Separa Iktisas tidak layak mendapat bayaran kerja lebih masa.
- ii. Pengawal Keselamatan yang tergolong dalam Kumpulan Perkhidmatan boleh dibayar sekiranya dikehendaki bekerja lebih masa.
- iii. Kakitangan sokongan yang diarahkan menjalankan kerja-kerja lebih masa di luar kawasan Universiti layak menuntut bayaran lebih masa dan juga elaun-



elaun rasmi yang lain tertakluk kepada peraturan dan syarat-syarat yang ditetapkan.

- iv. Bayaran lebih masa boleh dibayar tidak melebihi 1/3 gaji sebulan²⁸. Bayaran yang melebihi had 1/3 gaji adalah tertakluk kepada kelulusan Pengarah Eksekutif Kewangan.²⁹
- v. Tiada kadar yang boleh dibayar kepada tuntutan kerja lebih masa terdahulu yang telah dibayar atas sebab berlakunya kenaikan tangga gaji yang diselaraskan ke belakang kecuali bagi kes Pergerakan Gaji Tahunan (PGT) yang perlu menunggu pengesahan Panel Pembangunan Sumber Manusia (PPSM). Bayaran kerja lebih masa dan *On-Call* ini layak dibuat pelarasan mulai tarikh kenaikan gaji tersebut.³⁰

5.12.3. Syarat-syarat

Kerja lebih masa adalah tertakluk kepada perkara-perkara berikut;

- i. Kerja-kerja kecemasan.
- ii. Kerja mustahak dan tidak boleh ditangguhkan.
- iii. Kerja yang dikehendaki melebihi daripada tugas biasa.
- iv. Kerja yang perlu diuruskan dalam jangka masa terhad.

5.12.4. Kadar

Kaedah pengiraan adalah seperti berikut³¹;

$$\text{Formula Pengiraan} : \frac{\text{Jumlah (Jam x Kadar) x Gaji Pokok x 12}}{2504}$$

Keterangan	Kadar	
Hari Bekerja (6 Pagi – 10 Malam)	A	1.125

²⁸ **Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 1997** Perubahan Gaji dan Syarat-syarat Perkhidmatan bagi Pegawai-Pegawai dalam Perkhidmatan Awam Semenanjung Malaysia

²⁹ **Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Kewangan** bertarikh 25 Februari 1984.

³⁰ **Mesyuarat Pengurusan Universiti Bil. 3/2018** bertarikh 13 Februari 2018

³¹ **Pekeliling Bendahari Bil 1 Tahun 2010** Peraturan Kewangan Kerja Lebih Masa



Keterangan	Kadar	
Hari Bekerja (10 Malam – 6 Pagi)	B	1.25
Hari Minggu (6 Pagi – 10 Malam)		
Hari Minggu (10 Malam – 6 Pagi)	C	1.50
Hari Kelepasan Am (6 Pagi – 10 Malam)	D	1.75
Hari Kelepasan Am (10 Malam – 6 Pagi)	E	2.00

Bil	Jarak rumah ke tempat kerja	Jumlah jam diambil kira dalam tuntutan
1.	10 KM Ke Bawah	15 Minit sehala / 30 Minit Pergi dan Balik
2.	10.1 KM Hingga 25 KM	30 Minit sehala / 1 Jam Pergi dan Balik
3.	25.1 KM Hingga 50 KM	45 Minit sehala / 1 Jam 30 Minit Pergi dan Balik
4.	50.1 KM Ke atas	1 Jam Sehala / 2 Jam Pergi dan Balik

5.13. Elaun Tugas atas panggilan (*On-Call*)

5.13.1. Tujuan

Elaun *On-Call* ialah elaun yang diberi kepada Pegawai Perubatan atau Doktor Pergigian berdaftar yang berkhidmat dan menjalankan tugas di luar waktu bekerja biasa.

5.13.2. Kadar

Kadar yang layak diterima adalah seperti yang ditetapkan dalam jadual berikut;



Hari	Kadar	Kadar (RM/ Hari)		Keterangan
		Pegawai Perubatan Pakar	Pegawai Perubatan	
Hari Bekerja	A	100.00	80.00	Panggilan Pasif (bersedia di rumah & dipanggil bertugas kurang daripada 4 jam/ tidak dipanggil bertugas)
Hujung Minggu dan Cuti Am	B	105.00	85.00	
Hari Bekerja	C	150.00	130.00	Panggilan Pasif (bersedia di rumah & dipanggil bertugas melebihi 4 jam)
Hujung Minggu dan Cuti Am	D	160.00	140.00	
Hari Bekerja	E	230.00	200.00	Panggilan Aktif (bertugas di luar waktu bekerja biasa melebihi 16 jam secara berterusan)
Hujung Minggu dan Cuti Am	F	250.00	220.00	

5.14. Elaun Perjalanan Kenderaan

5.14.1. Tujuan

Elaun Perjalanan diberi kepada kakitangan yang menggunakan kenderaan sendiri bagi menjalankan tugas rasmi sama ada di dalam atau di luar Ibu Pejabat mengikut kadar yang telah ditetapkan.

5.14.2. Syarat-syarat

- i. Menggunakan kenderaan sendiri bagi menjalankan tugas rasmi sama ada di dalam atau di luar Ibu Pejabat.
- ii. Sekiranya menggunakan kenderaan yang disediakan oleh Universiti atau Penganjur semasa menjalankan tugas rasmi tidak layak menuntut elaun ini.



- iii. Seseorang pegawai dikehendaki menggunakan perkhidmatan kapal terbang atau kereta api bagi menjalankan tugas rasmi di tempat yang boleh dihubungi terus oleh kapal terbang atau kereta api dan oleh itu tidak layak menuntut Elaun Perjalanan Kenderaan melainkan di dalam keadaan seperti berikut:
- a) jika jarak di antara kedua-dua tempat adalah kurang dari 240 km;
 - b) apabila seseorang pegawai dikehendaki juga menjalankan tugas rasminya di beberapa tempat di sepanjang perjalanan;
 - c) apabila didapati mustahak dan terpaksa bagi seseorang pegawai berkenderaan sendiri; dan
 - d) apabila seseorang pegawai mustahak dan terpaksa membawa pegawai lain sebagai penumpang yang juga menjalankan tugas rasmi.
- iv. Bagi peruntukan iii. (b), (c) dan (d) di atas, kelulusan Ketua Jabatan hendaklah disertakan bersama tuntutan pegawai tersebut.

5.14.3. Kadar ³²

Jarak perjalanan bertugas rasmi bagi tiap-tiap satu bulan (km)	Kadar mengikut jenis kenderaan (sen/km)	
	Kereta	Motosikal
500 km pertama	85	55
501 km dan seterusnya	75	45

³² **Pekeliling Perbendaharaan WP 1.4/2022** Kadar Dan Syarat Tuntutan Elaun, Kemudahan Dan Bayaran Kepada Pegawai Perkhidmatan Awam kerana Menjalankan Tugas Rasmi (Tidak Termasuk Tentera Dan Polis) (Kuat kuasa 1 Januari 2022)



5.15. Elaun Memangku

5.15.1. Tujuan

Elaun Memangku merujuk kepada kakitangan yang diberi kelulusan untuk menilai keupayaan pegawai melaksanakan tugas dan tanggungjawab di gred jawatan yang lebih tinggi yang menjadi asas penilaian sebelum dipertimbangkan kenaikan pangkat ke gred berkenaan.

5.15.2. Syarat-syarat Pembayaran Elaun Memangku

- i. Pegawai hendaklah memangku selama dua puluh lapan (28) hari berturut-turut termasuk hari cuti mingguan dan kelepasan am. Dalam tempoh pemangkuan ini, pegawai boleh mengambil cuti rehat atau cuti sakit secara terkumpul yang tidak melebihi daripada lima (5) hari bekerja bagi tempoh dua puluh lapan (28) hari pertama; dan
- ii. Seseorang pegawai yang telah memangku sesuatu jawatan bagi tempoh yang disyaratkan di perenggan (i) dan kemudian meninggalkan jawatan yang dipangkunya selama dua puluh lapan (28) hari atau lebih berturut-turut, termasuk hari kelepasan am, maka pegawai berkenaan tidak layak dibayar Elaun Pemangkuan bagi tempoh tersebut
- iii. Walau apa pun di perenggan (ii), pegawai masih layak dibayar jika;
 - a) menghadiri kursus yang diarah oleh Kerajaan
 - b) meninggalkan jawatan untuk menjalankan tugas rasmi lain atas arahan Ketua Jabatan; atau
 - c) dibenarkan bercuti sakit dan disokong oleh sijil sakit

Dengan syarat, tempoh tersebut tidak melebihi sembilan puluh dua (92) hari berturut-turut termasuk hari kelepasan am



5.15.3. Kadar

Perbezaan antara gaji minimum jawatan yang dipangku dengan gaji hakiki pegawai, dengan syarat perbezaan itu tidak kurang daripada satu pergerakan kadar Kenaikan Gaji Tahunan (KGT) gred hakiki pegawai tersebut.

5.16. Elaun Tanggungan Kerja

5.16.1. Tujuan

Pelaksanaan tugas suatu jawatan lain oleh seseorang pegawai di samping melaksanakan tugas jawatannya sendiri.

5.16.2. Syarat-syarat Pembayaran Elaun Tanggungan Kerja

- i. Melaksanakan tugas jawatan yang ditanggung kerja selama 28 hari berturut-turut termasuk cuti mingguan, kelepasan am dan juga cuti rehat atas sebab-sebab kecemasan serta cuti sakit secara terkumpul yang tidak melebihi daripada 5 hari bekerja;
- ii. Seseorang pegawai yang sedang menanggung kerja tetapi kemudiannya meninggalkan tugas jawatan yang ditanggung kerja itu selama 14 hari atau lebih berturut-turut, iaitu termasuk cuti mingguan dan kelepasan am, maka pembayaran Elaun Penanggung Kerja hendaklah dihentikan;
- iii. Seseorang yang pernah diluluskan menanggung kerja dan kemudian diluluskan menanggung kerja jawatan yang sama boleh dibayar Elaun Penanggung Kerja sekiranya tempoh penanggung kerja kali kedua dan seterusnya tidak kurang 14 hari berturut-turut termasuk cuti mingguan dan kelepasan am; dan
- iv. Jika pegawai yang menanggung kerja layak menerima Bayaran Lebih Masa, bayaran tersebut hanya boleh dibayar bagi tugas yang dilaksanakan selepas 2 jam 15 minit daripada waktu bekerja pejabat



5.16.3. Kadar³³

Kaedah pengiraan adalah seperti berikut:

Gaji permulaan jawatan yang ditanggung kerja x 25%

5.17. Elaun Pembantu Khas

5.17.1. Tujuan

Bayaran Elaun Pembantu Khas (EPK) diberi kepada Pembantu Setiausaha Pejabat/ Setiausaha Pejabat Gred N19, N22, N29, N32, N36 yang menjalankan skop fungsi tugas Pembantu Khas meliputi kesetiausahaan, pentadbiran pejabat, kewangan, perhubungan awam dan jaringan kerja.

5.17.2. Syarat-syarat

- i. Setiausaha Pejabat/ Pembantu Khas yang dikhususkan kepada pegawai penyelia yang layak mendapat Pembantu Khas;
- ii. Setiausaha Pejabat/ Pembantu Khas yang tidak dikhususkan sebagai Pembantu Khas tetapi diarahkan oleh Ketua Jabatan menjalankan tugas Pembantu Khas secara ganti kepada pegawai penyelia yang layak mendapat Pembantu Khas. Bayaran EPK adalah secara *proportionate* mengikut bilangan hari bertugas secara sepenuh masa; dan
- iii. Pembayaran EPK kepada Setiausaha Pejabat/Pembantu Setiausaha Pejabat hendaklah diberhentikan apabila berada dalam keadaan berikut:
 - a) Cuti Tanpa Gaji (termasuk Cuti Belajar Tanpa Gaji)
 - b) Cuti Separuh Gaji (termasuk Cuti Belajar Separuh Gaji)
 - c) Cuti Belajar Bergaji Penuh melebihi 92 hari
 - d) Cuti Rehat melebihi 28 hari berturut-turut termasuk Hari Rehat Mingguan dan Hari Kelepasan Am

³³ Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 17 tahun 2007 Peraturan Penanggungungan Kerja Perkhidmatan Awam



- e) Cuti selain daripada Cuti Rehat yang melebihi 28 hari berturut-turut termasuk Hari Rehat Mingguan dan Hari Kelepasan Am
- f) Kombinasi mana-mana jenis cuti yang melebihi 28 hari berturut-turut termasuk Hari Rehat Mingguan dan Hari Kelepasan Am dan hari tidak hadir bekerja
- g) Menjalankan tugas Rasmi selain daripada tugas hakiki atas arahan Ketua Jabatan yang melebihi 92 hari.

5.17.3. Kadar

Kadar yang layak diterima adalah seperti di dalam jadual berikut;

Gred Jawatan Hakiki Pegawai Penyelia	Kadar (RM)
Hakim Mahkamah Atasan *	250
Gred Turus I, II dan III atau setaraf	
Gred Utama A dan B atau setaraf	190
Gred Khas A dan B atau setaraf **	
Gred Utama C atau setaraf	150
Gred Khas C atau setaraf **	
Gred 54 atau setaraf **	120
Gred 52 dan Gred 48 atau setaraf ***	

* Ketua Hakim Negara, Presiden Mahkamah Rayuan, Hakim Besar Malaya, Hakim Besar Sabah & Sarawak, Hakim Mahkamah Persekutuan, Hakim Mahkamah Rayuan, Hakim Mahkamah Tinggi & Pesuruhjaya Kehakiman.

**Tertakluk kepada kelulusan JPA (Bahagian Pembangunan Organisasi).

***Mereka yang melaksanakan tugas sebagai Ketua Jabatan tertakluk kepada kelulusan JPA (Bahagian Pembangunan Organisasi).



5.18. Elaun Menjalankan Tugas Rasmi/ Mesyuarat/ Persidangan

5.18.1. Tujuan

Elaun bagi menjalankan Tugas Rasmi, Mesyuarat dan Persidangan boleh dikategorikan kepada beberapa jenis elaun iaitu:

- i. Sewa Hotel
- ii. Elaun Lojing
- iii. Elaun Makan
- iv. Elaun Harian

5.18.2. Syarat-syarat

Elaun-elaun yang layak dituntut boleh dikategorikan seperti berikut:

- i. **Sewa Hotel** layak dituntut oleh kakitangan yang menjalankan tugas rasmi di luar ibu pejabatnya dan perlu menginap dengan disokong oleh resit rasmi dan tertakluk kepada kelayakan yang telah ditetapkan.
- ii. **Elaun Lojing** ialah apabila kakitangan yang menjalankan tugas rasmi di luar ibu pejabatnya dan perlu menginap, layak menuntut elaun ini berdasarkan kelayakan maksimumnya.
